

Buletin JSKM



Keluaran 1, Edisi 2016

Menarik :

- Gabungan dua dalam satu
- Perutusan Ketua Pusat Pengajian
- Sekapur Sireh dari Koordinator
- Pencapaian & Penganugerah
 - Perundingan
 - Penyelidikan
 - Inovasi
 - Penerbitan
 - Anugerah
 - Penulisan
- Aktiviti tahunan
 - Kolokium Akademik
 - Hari Kualiti
 - Jualan Amal
 - Sambutan Minggu Penyusunan
 - Workshop SPSS
- Salam Perpisahan
- Coretan & Karya

Sidang Redaksi :

Penaung:
Prof. Madya Dr. Mohd Fozil Ali

Penasihat 1:
Dr. Ahmad Zia Ul Saufie Bin Mohamad Japeri

Penasihat 2:
Pn. Muniroh Hamat

Ketua Penyunting:
Siti Asmah Mohamed

Penyunting:
Naemah Abd Wahab
Dr. Nor Hanim Abd Rahman

GABUNGAN DUA DALAM SATU

ICSTIE 2016 & ICEdSS 2016



Jabatan Sains Komputer

Dan **Matematik (JSKM)**, UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berjaya menganjurkan dua konferensi bertaraf antarabangsa iaitu *International Conference On Science and Technology, (ICSTIE'16)* dan *International Conference on Education and Social Sciences, (ICEdSS'16)* pada 2 dan 3 November 2016 bertempat di Hotel Park Royal, Pulau Pinang.

ICSTIE'16 dipengerusikan oleh En. Saiful Nizam Warris bertemakan "Technology Revolution: Discovering Knowledge Beyond Frontiers" manakala ICEdSS'16 bertemakan 'Comprehensive Transformation: Towards Future Well-Being' dan dipengerusikan oleh Puan Salina Hamed. Kedua-dua konferensi ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha En. Kua Abun, Wakil YB Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI).

Objektif utama kedua-dua konferensi ini adalah menjadi satu wadah untuk mengembangkan jalinan dan rangkaian komunikasi antara penyelidik di seluruh dunia bagi manfaat sejagat.

Seiring dengan seruan kerajaan untuk memartabatkan sains dan teknologi, semoga usaha, inisiatif dan keringat yang telah

dicurahkan oleh pihak jawatankuasa ICSTIE dan ICEdSS untuk menaikkan nama UiTM umumnya dan UiTM Cawangan Pulau Pinang khususnya merupakan satu titik tolak kearah sebuah kampus yang disegani dan dihormati di peringkat antarabangsa. Sehingga berjumpa lagi di ICSTIE'18 & ICEdSS'18.



Perutusan dari Ketua Pusat Pengajian



**DR AHMAD ZIA UL-SAUFIE
MOHAMAD JAPERI**
KETUA PUSAT PENGAJIAN
SAINS DAN TEKNOLOGI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, Bulletin Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) Edisi 2016 berjaya diterbitkan. Tahniah kepada semua ahli sidang redaksi yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan Bulletin JSKM edisi 2016 ini. Semoga dengan penerbitan bulletin mampu memantapkan pendokumentasian segala aktiviti dan pencapaian JSKM.

Pada tahun 2016 Jabatan Sains Komputer dan Matematik, UiTM cawangan Pulau Pinang telah melakar beberapa kejayaan dalam pertandingan inovasi, peningkatan geran penyelidikan dan penerbitan serta pencapaian cemerlang warga JSKM dalam pelbagai aspek lain, baik di peringkat negara mahupun antarabangsa khususnya. Tahniah dan syabas kepada semua warga JSKM atas kejayaan penganjuran dua konferensi antarabangsa iaitu ICSTIE dan ICEdSS.

Sehubungan dengan itu, jadikanlah pencapaian yang telah diperoleh sebagai motivasi kepada semua warga JSKM untuk melonjak sasaran kecemerlangan diri, JSKM dan UiTM ke tahap yang lebih tinggi pada tahun 2017. Kepada seluruh warga JSKM, marilah kita sama-sama menjayakan segala aktiviti yang dirancang pada tahun 2017 dengan penuh rasa tanggungjawab, ikhlas, komited dan amanah, agar setiap gerak kerja yang dilakukan akan mencapai objektif yang telah ditetapkan serta memberi manfaat kepada bangsa dan negara. insyaAllah.

Akhir kata, terima kasih kepada semua warga JSKM yang telah bertungkus-lumus menaikkan nama JSKM sepanjang tahun 2016. Semoga JSKM terus signifikan dalam meletakkan UiTM di peta dunia. Selamat maju jaya semua warga JSKM.

Sekian terima kasih

Sekapur Sireh dari Koordinator



PN. MUNIROH BINTI HAMAT
KOORDINATOR JABATAN SAINS
KOMPUTER & MATEMATIK, JSKM

Assalamualaikum dan
Selamat Sejahtera...

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada AJK Bulletin kerana berjaya menerbitkan Bulletin Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM). Sesungguhnya, penerbitan Bulletin ini mencerminkan kesungguhan AJK dalam menggembeng tenaga

untuk menjayakan budaya kerja sepasukan. Usaha murni ini merupakan satu saluran kepada pensyarah JSKM khasnya untuk menghasilkan penulisan ilmiah serta pelaporan aktiviti jabatan amnya. Melalui Bulletin ini, pensyarah JSKM akan dapat mengumbang berita, buah fikiran, hasil kajian, analisis dan rumusan untuk dikongsi bersama.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha menerbitkan Bulletin JSKM 2017. Semoga usaha murni ini akan berterusan sehingga menjadi budaya dalam kalangan pensyarah di JSKM. Sekian, terima kasih.

Pencapaian dan Penganugerahan JSKM



1. Perundingan

BIL	NAMA PROJEK	AHLI PROJEK	TAJAAAN/ORGANISASI	AMAUN (RM)	MULA DAN TAMAT
1	Analysis of Questionnaire Using SPSS, 2015	Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri (Dr) , Norazah Umar, Maisurah Samsudin, Nurhafizah Ahmad, Siti Balqis Mahlan	Bengkel	3,500.00	15 Dis 2016
2	Structural Equation Modelling (SEM/AMOS)	Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri (Dr) , Norazah Umar, Maisurah Samsudin, Nurhafizah Ahmad, Siti Balqis Mahla	Bengkel	10,500.00	10 - 11 Ogos 2016

2. Penyelidikan

BIL	NAMA PROJEK	AHLI PROJEK	DANA	AMAUN (RM)	MULA DAN TAMAT
1	Development PM ₁₀ Concentrations Prediction Models	Ahmad Zia Ul-Saufie(Dr) , Sayang Mohd Deni (Dr), Nor Azam Ramli (Prof. Dr)	FRGS	91,700.00	2014 - 2017
2	Approach to predict Ozone concentration in the East Coast of Peninsular Malaysia	Nurul Adyani (Dr) , Nor Azam Ramli (Prof Dr), Ahmad Zia Ul-Saufie(Dr), Ahmad Shukri Yahaya (Prof), Noor Faizah Fitri Md Yusof (Dr)	RACE	49,840.00	2014 - 2016
3	Mathematics Self-Efficacy and Anxiety among Pre-Science & Pre-Commerce Students, UiTM Pulau Pinang	Norshuhada binti Samsudin , Ahmad Zia Ul-Saufie bin Mohamad Japeri (Dr), Wan Nur Shaziayani bt Wan Mohd Rosly, Sharifah Sarimah binti Syed Abdullah, Shakirah binti Mohd Abd. Rahman	ARAS	5,000.00	2015 - 2016
4	Generating a Learning Method Based on Analysis of Students Error in Engineering Calculus	Maisurah Shamsuddin , Ahmad Zia Ul-Saufie bin Mohamad Japeri (Dr), Faridah Bt Hussin, Siti Balqis Mahlan, Fadzilawani Astifar Alias	ARAS	10,000.00	1 Julai 2016 - 30 Jun 2018
5	A Study On Effective Learning Of Novice Programmer Engineering Students at UiTM Cawangan Pulau Pinang	Azlina Mohd Mydin , Syarifah Adilah Mohamed Yusoff, Wan Anisha Wan Mohammad	ARAS	10,000.00	1 Sept 2016 - 30 Ogos 2018
6	Approaches To Reduce Absenteeism Among UiTM Cawangan Pulau Pinang Students in Calculus Classes	Ahmad Zia Ul-Saufie bin Mohamad Japeri (Dr) , Nurhafizah Ahmad, Hasfazilah Ahmat (Dr), Siti Asmah Mohamed, Mohd Fahmi Zahari	ARAS	10,000.00	1 Julai 2016 - 30 Jun 2018

3. Inovasi

BIL	AHLI KUMPULAN	TAJUK PRODUK	PENGANJUR	PERTANDINGAN	ANUGERAH
1	Ahmad Zia Ul-Saufie Bin Mohamad Japeri(Dr), MuqhlisahMuhamad, Mohammad Nizam Ibrahim (Dr), Sayang Mohd Deni (Prof. Madya Dr), Naemah Abdul Wahab, Hasfazilah Ahmat (Dr)	A new Approach in the Prediction of Ground-Level Ozone Concentration Using S-estimation and MM-estimation, 2016	UNIKL, Kulim	EIE2016	Pingat Perak
2	Siti Nurleena Abu Mansor, Fadzilawani Astifar Alias, Fuziatul Norsyiha Ahmad Shukri, Wan Nur Shaziayani Wan Mohd Rosly, Farah Hayati Mustapa	D-PAK: Period Aid Kit during Disaster	UNIKL, Kulim	EIE2016	Pingat Gangsa
3	Siti Nurleena Abu Mansor, Mahanim Omar, Muniroh Hamat, Noor Azizah Mazeni, Nur Azimah Idris	SUMeT: Student's Understanding Measuring Tool	UiTM Seri Iskandar, Perak	INDES 2016	Pingat Perak
4	Siti Nurleena Abu Mansor, Azlina Mohd Mydin, Norazah Umar, Nurhafizah Ahmad, Wan Anisha Wan Mohammad, Zuraira Libasin	Academic Advisor's Assistant: Help Advisor To Organize Student's Grade	UiTM Seri Iskandar, Perak	INDES 2016	Pingat Perak

4. Penerbitan

BIL	NAMA PENERBITAN	AHLI	TAJUK
1	Artikel Jurnal ESTEEM Academic Journal, Unit Penerbitan, UiTM Pulau Pinang	Naemah Abd Wahab, Jamal Othman, Saiful Nizam Warris	Interactive Assistance For Teaching C++ Array Topic To Novice Learners
2	Prosiding International Conference On Language, Education and Civilization, UiTM PERAK	Che Haslina Abdullah (Dr.), Mohd Marbawi Taha, Rafizah Kechil, Wan Noorli Razali	Psikoterapi Islam: Signifikasi dan Relevansinya Dalam Pemeriksaan Tamadun Islam
3	Prosiding Seoul International Conference on Applied Science and Engineering , Asia-Pacific Education & Research Association (AERA)	Farah Hayati Binti Mustapa, Noor Shazreen A. Rahman, Tey Li Sian (Dr)	Pedestrian Travel Pattern at Public Transit Stations
4	Prosiding Asian Conference on Civil, Material and Environmental Sciences, Higher Education Forum (HEF)	Farah Hayati Binti Mustapa, Noor Shazreen A. Rahman, Tey Li Sian (Dr)	Pedestrian Behaviour towards Pedestrian Facilities at Commercial Centres
5	Artikel Jurnal Journal of Scientific Research and Development 3 (4): 106-111.	Zawawi, M.H., Yuan, L.Z., Mohammad, N.I., Ul- Saufie, A.Z., Ramli, Z.A. Rosli, N.A.,	24 and 12 hours Exceedances prediction of particulate matter 10 Using extreme value distribution: A case study in Kuala Lumpur City Centre

6	AIP Conference Proceedings 1774, 060003 (2016); doi: 10.1063/1.4965111.	Y. Yaakob, Ul-Saufie, A.Z. , F. Idrus, and D. Ibrahim, M., (2016)	The development of thermosiphon heat exchanger for solar ponds heat extraction
7	MATEC web conference EDP Sciences, DOI/10.1051/ matecconf/20164705001.	Abdul Hamid, H., Yahaya, A.S., Nor Azam Ramli, N.A, Ul-Saufie, A.Z. , and Yasin, N.,	Short Term Prediction of PM10 Concentrations Using Seasonal Time Series Analysis
8	AIP Conference Proceedings 1774, 030023 (2016); doi: 10.1063/1.4965079	Abu Bakar, A.A., Muhd Ali, K.A., Ahmad Tarmizi, N.A, Ul-Saufie A.Z. , Tammy, J.A,	Potential of using bladderwort as a biosorbent to remove zinc in wastewater
9	Prosiding National Educational Research Conferences (NERC) 2016	Nor Hanim Abd Rahman , Syakirah Abdul Rahman	Social media for teaching and learning Mathematics in higher education institution

Anugerah Penulisan Prestij JSKM -HARI INOVASI 2016-



NAMA	KATEGORI ANUGERAH
HASFAZILAH BINTI AHMAT (DR)	Platinum
AHMAD ZIA UL-SAUFIE BIN MOHAMAD JAPERI (DR)	Platinum
NG SET FOONG (DR)	Platinum
NOR HANIM BT ABD RAHMAN	Platinum
CHEW YEE MING	Platinum
RAFIZAH BINTI KECHIL	Emas
FADZILAWANI ASTIFAR BINTI ALIAS	Emas
WAN ANISHA BINTI WAN MOHAMMAD	Perak
SITI NURLEENA BINTI ABU MANSOR	Perak
MAISURAH BINTI SHAMSUDDIN	Perak
AZLINA BINTI MOHD MYDIN	Perak
CH'NG PEI ENG (DR.)	Perak
SAIFUL NIZAM BIN WARRIS	Perak
FUZIATUL NORSYIHA BINTI AHMAD SHUKRI	Perak
SALINA BINTI HAMED	Perak
NORAZAH BINTI UMAR	Gangsa
FARAH HAYATI BINTI MUSTAPA	Gangsa
SITI BALQIS BINTI MAHLAN	Gangsa
SYARIFAH ADILAH BINTI MOHAMED YUSOFF	Gangsa
NAEMAH BINTI ABDUL WAHAB	Gangsa
SITI MARIAM BINTI SAAD	Gangsa

JUMLAH PENERBITAN JSKM (BUKU, PROSIDING DAN JURNAL) BAGI TAHUN 2015 ADALAH 102.

2. Program Riadah Staf



Fun Family feet somebody Wonderful
 Amazingly think
 an job something
 winnals
 better blast
 free together
 family
event day
 Thanks
 Day
done Excellent families
great community awesome
Great turnout
 make donation
 idea glad good
put well



Sambutan Hari Lahir Staf JSKM Jan – Mei 2016
 6 Mei 2016 | Bilik Mesyuarat JSKM

Pertandingan Bowling Tertutup S&T
 23 Mac 2016 | Megalanes Bowling Center

Hari Keluarga 2015 | 25 & 26 April 2015
 Teluk Senangin Resort, Lumut



Team Building Gugusan S&T
 12 – 14 Dis 2014 | Timah Tasoh Resort, Perlis



Pertandingan Bowling Tertutup JSKM
 10 Jun 2014 | Megalanes Bowling Center



Rihlah Hidayah 1435/2014 | 15 & 16 Mac 2014
 Koda Resort & Holidays Sdn Bhd, Kampong
 Bendang Man, Sik, Kedah

3. Program Universiti



Ekspo Pendidikan MDAB | 30 April 2016
 UiTM



Misi Akademik | 13 Mac 2016
 Dewan Besar UiTM



Hari Kualiti 2015 | 31 Jan 2016
 Dewan Besar UiTM



Gotong-royong Perdana | 3 Dis 2015
 UiTM

4. Program Akademik



Lawatan ke Pusat Falak | 21 Ogos 2015
Pusat Falak Sheikh Tahir, Balik Pulau,
Pulau Pinang



ICSTIE 2014 | 17 & 18 Sept 2014
Hotel Parkroyal, Penang



Bengkel Pementapan
Matematik (MAT-455) Pelajar Ijazah (1)
1 Nov 2014 | UiTM



Lawatan Ke CAP | 15 Ogos 2014
Persatuan Pengguna Pulau Pinang
(CAP), Pulau Pinang



Bengkel Celic Matematik | 23 Ogos 2014
Dewan Kuliah UiTM



Kolokium Jabatan I | 27 Mei 2014
Bilik Mesyuarat, UiTM



Pertandingan Pengaturcaraan | 20 Mei 2016
Makmal Komputer, UiTM



Bengkel I-Spring | 10 Mei 2016
Makmal Komputer, UiTM



Bengkel Penantapan Intensif Asas Matematik Siri
1 Dan Siri 2 | 11 & 18 Mac 2016 | Bilik Tutorial
dan Annex, UiTM



Bengkel Perisian MAPLE | 8 Jan 2016
Makmal JSKM, UiTM



Bengkel SPSS | 21 & 22 Dis 2015
Makmal Komputer, UiTM



Kolokium Jabatan II | 13 Nov 2015
Bilik Perdana 2, UiTM



KOLOKIUUM AKADEMIK JSKM

-A KNOWLEDGE SHARING PLATFORM-

Setiap dua tahun sekali, JSKM akan mengadakan kolokium akademik peringkat jabatan. Kolokium akademik JSKM merupakan antara agenda wajib yang tersenarai dalam kalendar perancangan aktiviti tahunan jabatan. Pada tahun 2015, hari kolokium telah diadakan pada 13 November 2015 bertempat di bilik Perdana 2, tingkat 2 Kompleks Perdana UiTM Cawangan Pulau Pinang bermula 8.00 pagi sehingga 5.30 petang. Setiap staf diberi masa 15 minit untuk membentangkan kertas kerja dan diikuti sesi sol jawab. Objektif utama kolokium akademik JSKM diwujudkan adalah untuk menggalakkan staf JSKM membuat penyelidikan dan membentangkan dalam kolokium. Berikut disenaraikan tajuk yang telah dibentangkan pada hari kolokium berserta penulis utama. Penulisan kertas kerja penuh boleh diperolehi di laman sesawang berikut. Dengan adanya kolokium seperti ini memberi ruang kepada semua staf untuk berkongsi idea dan pengetahuan.

<https://penang.uitm.edu.my/main/index.php/activities-jskm/colloquium-jskm>

	TAJUK	PENULIS UTAMA
1	KEGAGALAN TINGGI DALAM KURSUS MATEMATIK DI UITM-FAKTOR PENYUMBANG & CADANGAN PEMULIHAN	WAN NUR SYAZIANI BINTI WAN MOHD ROSLI
2	USER SATISFACTION OF USER INTERFACE OF EZAKAT SYSTEM UITMPP	SAIFUL NIZAM WARRIS
3	DIZZINESS AND IT'S CORRELATION TO VERTIGO	JAMAL OTHMAN
4	INOVASI KENAF: TILAM KENAF	SITI BALQIS MAHLAN
5	AMALAN PENGGUNAAN HERBA DI KALANGAN MASYARAKAT KINI	SITI NURLEENA ABU MANSOR
6	GEOMETRICAL DESIGN OF BERTAM (WILD BORNEAN SAGO) WEAVING	FUZIATUL NORSYIHA AHMAD SHUKRI
7	BEZIER CURVE	FUZIATUL NORSYIHA AHMAD SHUKRI
8	KUNYIT: PENGETAHUAN DAN AMALANNYA MASAKINI	SITI NURLEENA ABU MANSOR
9	INTRODUCTION TO BIOEQUIVALENCE STUDY: AN APPROACH TO PHARMACOKINETICS	MAHANIM OMAR
10	COKLAT SAPUAN AR'RIZS: RESEPI DARI BAHAN MAKANAN AS SUNNAH YANG BANYAK KEISTIMEWAANNYA	AZLINA MOHD MYDIN
11	RADIASI ELEKTROMAGNETIK	FADZILAWANI ASTIFAR ALIAS
12	EXAMINING EVIDENCE OF STUDENT UNDERSTANDING OF DOUBLE INTEGRALS	SARINA MD JAM
13	TAHAP PENGETAHUAN MENGENAI KHASIAT DAN PENGGUNAAN TUMBUHAN HERBA DIKALANGAN MASYARAKAT KINI	MAISURAH SHAMSUDDIN

"Mununtut Ilmu adalah Taqwa, Menyampaikan Ilmu adalah Ibadah, Mengulang-ulang Ilmu adalah Zikir, Mencari Ilmu adalah Jihad"
(Imam Al-Ghazali)

HARI KUALITI 2015



Hari Kualiti 2015 | 31 Jan 2016
Dewan Besar UiTM

Pada 29 Januari 2016 telah berlangsungnya Hari kualiti 2015 di dewan besar UiTM Cawangan Pulau Pinang. Penganjur utama Hari Kualiti pada tahun 2015 ialah daripada Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM) dengan kerjasama Unit Pengurusan Kualiti (UPK). Tema yang dipilih sempena Hari Kualiti 2015 ialah "Kualiti, Keunggulan Peribadi, Kecemerlangan Prestasi". Dengan berkonsepkan "Galaksi", dewan besar dihiasi dengan rekaan bulan, bintang, planet-planet dan turut dimeriahkan dengan acara gimik berpakaian kostum angkasawan.

Hari kualiti telah dirasmikan oleh yang berbahagia tuan Rektor PM Dr. Ngah Ramzi Hamzah dan turut dihadiri barisan kepimpinan UiTM iaitu Dr. Suraya Sulaiman, Dr Mohd Mahadzir Mohammad @ Mahmood, Dr. Baderisang Mohamed, Dr. Nor Aziyah Bakhari, En. Mohd Alias Jais, Dr. Lyly Nyl Ismail dan juga dihadiri oleh ketua-ketua pusat pengajian dan juga koordinator program dan jabatan. Tuan rektor juga tidak ketinggalan menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada penerima anugerah. Anugerah lain seperti Anugerah Khidmat Setia, Anugerah Khas bagi Staf Bukan Akademik, Anugerah KIK, Anugerah iLearn, Penerbitan, Penyelidikan, Perundingan dan Inovasi turut disampaikan.

Antara acara yang diadakan semasa berlangsungnya majlis hari kualiti ialah persembahan pelajar-pelajar khas dari SMK Permatang Tok Jaya. SMK Permatang Tok jaya turut mengadakan "Jualan Amal" seperti barang kraftangan dan anak pokok. Terdapat juga pameran berkaitan ilmu falak dari Pusat Falak Sheikh Tahir.

Hari Kualiti diwujudkan bagi menimbulkan kesedaran tentang pentingnya amalan budaya kualiti didalam sesebuah organisasi selain dari memberikan penghargaan kepada individu mahupun kumpulan yang telah menyumbang kepada peningkatan budaya kualiti di dalam sesebuah organisasi. Sebagai mengokong saranan kerajaan, UiTM Pulau Pinang tidak terkecuali dari mengadakan program Hari Kualiti sebagai upacara tahunannya. Dengan adanya hari kualiti ini dapat memberi penghargaan kepada individu atau kumpulan yang telah menyumbang kepada peningkatan budaya kualiti di UiTMPP dan dapat meningkatkan kesedaran dan penerapan budaya kualiti di kalangan warga kampus.

oleh Siti Balqis Mahlan

JUALAN AMAL BAGI KUTIPAN SUMBANGAN RAYA 2016



Program khidmat masyarakat anjuran JSKM tahun 2016 ialah mengadakan jualan amal bagi kutipan sumbangan raya kepada pekerja-pekerja pembersihan UiTM Pulau Pinang sempena kedatangan Aidilfitri. Program jualan amal ini telah diadakan pada 23 dan 24 jun 2016 bertempat di ruang legar Kompleks Perdana UiTM Pulau Pinang. Hasil jualan amal ini disumbangkan kepada kakitangan pekerja-pekerja pembersihan dalam bentuk hamper yang mengandungi barangan persediaan menyambut hari raya




seperti ketupat segera, biskut raya, kordial dan lain-lain. Antara barangan yang dijual semasa program jualan amal adalah menjual pakaian bundal, biskut raya dan dodol. Objektif utama program ini adalah membuat jualan amal bagi mengumpul dana untuk sumbangan hari raya kepada pekerja-pekerja pembersihan di UiTM Pulau Pinang serta menggalakkan staf UiTM Pulau Pinang beramal sambil membeli sekaligus membuat sedekah jariah. Dengan adanya program seperti ini dapat berkongsi kegembiraan bersama mereka yang telah banyak berkhidmat membersihkan dan menjaga UiTM.



Firman Allah yang bermaksud: (iaitu) orang-orang yang berinfak, baik di waktu lapang mahupun sempit, dan orang-orang yang menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan) orang lain. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan.

- Surah al-Imran ayat 134-



“Workshop on Introduction to SPSS”

oleh Ch'ng Pei Eng



Satu program pengenalan pakej SPSS v21 telah dianjurkan oleh Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), UiTM Cawangan Pulau Pinang pada 18 November 2016 bertempat di DKP1. Penyertaan hanya terbuka kepada pelajar-pelajar semester 5 Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) untuk program HM240 dan HM245 yang mendaftar kursus STA404 semester September 2016 - Januari 2017.

Dua objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar akan penggunaan perisian SPSS iaitu tentang kemasukan data dan penganalisaan data (Statistik Deskriptif dan Inferens) dan pelajar dapat membuat interpretasi daripada hasil output perisian SPSS, dan kesimpulan daripada data tersebut.

Seramai 80 orang pelajar telah menghadiri program ini. Program seperti ini sangat penting dan berfaedah kerana dapat membantu pelajar memperkukuhkan konsep-konsep yang telah dipelajari semasa kuliah dan dapat diaplikasikan penggunaannya ketika mereka menjalankan projek akhir di semester 6 kelak.


Bengkel ini melibatkan sejumlah 8 orang pensyarah bidang statistik selaku penceramah dan fasilitator. dan dibantu seramai 7 orang pensyarah bidang matematik untuk menyumbang tenaga bagi menjayakan program ini.

Diantara topik penting yang dibincangkan dalam bengkel ini adalah: ‘Pengenalan SPSS v21 & Kemasukan Data’, ‘Pembentukan Jadual Kekerapan & Deskriptif Statistik’, ‘Pembentukan Graf Stem-Leaf, Bar, Pie, Boxplot, & Histogram’ dan ‘Analisa Ujian-ujian Perbandingan yang melibatkan pengujian Hipotesis’.

Oleh kerana program ini dijalankan secara ‘compact’ dalam satu hari, ‘hands-out’ diedarkan secara atas talian kepada peserta program. Hal ini bagi memastikan mereka dapat membuat rujukan pada bila-bila masa sekiranya ada keperluan pada masa hadapan.

Keseluruhannya, hasil penilaian daripada program ini menunjukkan program bengkel SPSS ini mencapai satu pencapaian yang amat membanggakan dimana majoriti peserta memberi respons yang amat positif terhadap keseluruhan perjalanan program ini dan mencadangkan program seperti ini perlu diteruskan pada semester-semester akan datang.

Dikesempatan ini, wakil dari AJK program ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak HEA UiTMPP kerana memberi sokongan sepenuhnya dalam meluluskan permohonan penggunaan Tabung Pembangunan Pelajar untuk mengendalikan program ini.



" Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2016 Peringkat Daerah SPT "

oleh Fadzilawani Astifan Alias

Program penyusuan susu ibu sedunia 2016 peringkat Daerah Seberang Perai Tengah telah diadakan di Dewan Besar, UiTM Cawangan Pulau Pinang pada 6 September 2016 anjuran Jabatan Sains Komputer dan Matematik, UiTMPP dan Pejabat Kesihatan Daerah SPT dengan kerjasama PEWANI dan Unit Kesihatan, UiTMPP.

Penyusuan Susu Ibu : Kunci Perkembangan Lestari ("Breastfeeding : A Key To Sustainable Development") merupakan tema sambutan bagi Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia (WBW) 2016. Tema minggu penyusuan susu ibu pada tahun ini memfokuskan 17 gol yang merupakan kunci perkembangan lestari yang perlu dilaksanakan dan dicapai sebelum tahun 2030.

Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan serta kelebihan penyusuan susu ibu kepada ibu, bayi serta masyarakat sejagat. Selain itu, meningkatkan kesedaran masyarakat terutamanya generasi muda tentang kepentingan permulaan permakanan yang baik dalam melahirkan generasi akan datang yang sihat dan selamat, menarik minat masyarakat untuk menyokong penyusuan susu ibu bagi melahirkan generasi yang lebih sihat dan cemerlang, merangsang minat di kalangan remaja untuk melihat kesesuaian penyusuan dalam dunia hari ini dan yang paling penting adalah untuk menjalin kerjasama yang erat serta komitmen daripada agensi luar dalam menyokong pelaksanaan aktiviti-aktiviti penyusuan susu ibu.

Program yang dijalankan di UiTMPP ini berlangsung dengan meriah dengan pelbagai aktiviti-aktiviti menarik. Antaranya ialah ceramah, Pameran Kesihatan, Saringan Kesihatan seperti Papsmear, saringan status berat badan, pemeriksaan tekanan darah dan khidmat nasihat tentang kesihatan. Selain itu pelbagai pertandingan menarik untuk kanak-kanak turut diadakan. Oleh yang demikian diharapkan program ini dapat memberi ilmu yang bermanfaat kepada seluruh seluruh masyarakat setempat.



Perjalanan hidup setiap dari kita tidak sama. Ada yang sentiasa mengikat perancangan sendiri, ada yang tidak. Begitu juga dengan saya. Perancangan akal tidak selari dengan ketetapan Allah. Hijrah ini adalah pilihanNya, maka digerakkan hati-hati di peringkat atasan fakulti untuk memilih Hasfazilah! Tiada terlintas akan beralih angin ke Shah Alam menjelang 2017, tetapi itu ketentuanNya.

Terima kasih sahabat-sahabat sejabatan yang meraikan di dalam jamuan perpisahan pada hari ini. Di kampus ini bermulanya perjabatan sebagai pensyarah, merangkak dari pensyarah muda sehinggalah ke jawatan terkini. 15 tahun bukan tempoh yang singkat, segala pahit-manis mematangkan diri. Semoga perpisahan ini tidak mematahkan silaturrahim yang terjalin.

Terima kasih sahabat-sahabat.

UiTM Pulau Pinang sentiasa di hatika.


Sumber: FB Hasfazilah Ahmad (22 Disember 2016)

SALAM PERPISAHAN



Nama : Hasfazilah Ahmat
Tarikh lahir : 26 Februari 1973
Tempat lahir : Pulau Pinang
Pendidikan :
1980 - 1985 : Sek Keb Seri Penanti
1986 - 1990 : Sek Men Keb Agama Al-Irsyad
1991 - 1993 : PPP/ITM
1994 - 1995 : University of Wisconsin-Madison, USA, BSc Statistics
2006 - 2009 : Universiti Sains Malaysia, MSc Statistics
2012 - 2016 : Universiti Sains Malaysia, PhD
Kerjaya :
1996 - 2001 : Malaysian Employers Federation, Research Analyst
2001 - sekarang : UiTM





Math in Life

Shapes of the Past.
Numbers of the Present
Variables of the Future.

Shapes are different for every little hand drawing them,
every grown-up touching them.

Sometimes they miss a point,
only later to remember and disappoint,
in finding it too late to mend,
that broken shape.

Numbers are the same every time you see them,
a constant in problems and
it changes, never to be fixed again,
because you wrote in pen,
with the confidence of a youth,
the bane and talent of adolescence.

Variables change every time you try to simplify them.

Yet they never change their appearance,
staying the same throughout. mazes of wits.

Yet, with 1 careless mistake,

Until that moment,
reaching the last step,
they just become additional numbers,
that might be the right or wrong solution,
later confirmed with substitution.



TTS Mandarin Oleh Saiful Nizam Warris

Satu sistem TTS Mandarin sedang dibangunkan bagi membantu pengguna bagi menyemak sebutan yang betul dalam sebutan mandarin. Sistem ini dibangunkan dengan menggunakan bahasa PHP, pangkalan data MySQL dan pangkalan data audio dalam format mp3. Sistem ini boleh diakses di <http://terengganu1.uitm.edu.my/mandarin>.

Pengguna hanya perlu masukkan katakunci dalam pinyin dan sistem akan mengesahkan samada katakunci yang dimasukkan itu adalah sah atau tidak. Contohnya: ne0, ne1, ne2, ne3 dan ne4 akan menghasilkan bunyi yang berbeza. Jika kata kunci yang dimasukkan adalah sah, maka fail bunyi akan dijanakan dan pengguna boleh download dan mainkan fail tersebut yang dalam format mp3.

Sistem TTS Mandarin ini dapat membantu pelajar mandarin supaya menjadi lebih mahir dengan sebutan dan ia sedang diguna pakai oleh pelajar yang mengambil mandarin di UiTM Terengganu. Sistem ini dalam proses penambahbaikan dari masa ke semasa. Selamat mencuba!!!!.

Text To Speech Mandarin

Instruction :

Add space your pinyin, e.g. wo3 xue2 han4 yu3. you do not need to put any punctuation to listen to phrase, sentence or paragraph

Neutral tone:

type 0, e.g., le – le0;
1st tone: type1, e.g., chí – chí1;
2nd tone: type2, e.g., qíu – qíu2;
3rd tone: type3, e.g., dǎ – dǎ3;
4th tone: type4, e.g., fān – fān4;

Antaramuka sistem TTS Mandarin



SUJUD DAN FAEDAH PERUBATAN

Menurut Dr. Mohd Osman Nasir, hikmah sujud dan faedah perubatan ialah seperti berikut:

- i. Melegakan sistem pernafasan (*relieved congestion for breathing*)
- ii. Mengembalikan kedudukan organ ke tempata asalnya.
- iii. Bernafas ketika sujud akan:
 - Membetulkan buah pinggang yang terkeluar sedikit dari tempat asalnya.
 - Membetulkan pundi peranakan yang jatuh (*prolapsed uterus / fallen band worm*)
 - Melegakan sakit hernia.
 - Mengurangkan sakit senggugut ketika haid.
 - Melegakan bahagian paru-paru daripada ketegangan (*high parts of the lung*)
 - Mengurangkan kesakitan pada pesakit appendiks atau spleen (limpa)
 - Kedudukan sujud paling baik untuk berehat dan mengimbangi lingkungan bahagian belakang tubuh.
 - Meringankan bahagian pelvis.
 - Memberi dorongan untuk mudah tidur
 - Bagi wanita, gerakan otot itu menjadikan buah dadanya lebih baik, mudah berfungsi untuk menyusukan bayi dan terhindar daripada sakit buah dada.
 - Mengurangkan kegemokan (*obesiti*).
 - Gerakan bahagian otot memudahkan wanita bersalin, organ peranakan mudah kembali ke tempat asal serta terhindar daripada sakit bergelombang perut (*convulsions*)
 - Otak manusia menerima banyak bekalan darah dan oksigen
 - Mengelakkan pendarahan otak jika kita tiba-tiba menerima pompa darah ke otak secara kuat dan mengejut terhindarlah penyakit seperti *apoplexia repture of blood vessels and arteioseclerosis of cerebrum*
 - Menggerakkan otot bahu, dada, leher, perut, punggung ketika mahu sujud dan bangun darinya. Gerakan otot-otot itu menjadikannya (otot) lebih kuat dan elastik, secara automatik akan memastikan kelicinan perjalanan darah yang baik (*smooth blood circulation*)
- iv. Kesan Psikologi adalah dengan merasa rendah diri di hadapan pencipta. Sifat sombong, riyak, takabur dapat dikikiskan.

KESAN SUJUD SEPERTI YANG DIAKUI JUGA OLEH FAHAMAN AGAMA LAIN UMPAMA SIKH DI PUNJAB. BUDDHA MENGAMALKAN YOGA YANG SUJUDNYA HAMPIR SAMA DENGAN CARA SUJUD ISLAM.

Perbanyakkan sujud sebagai amalan harian bagi memperolehi kesihatan yang baik. Selamat beramal !!!!

oleh Siti Asmah Mohamed

Rujukan:

http://www.pkink.gov.my/penerbitan/2002Jan_Mac/
Dr. Zaharuddin Abd Rahman, *Panduan Lengkap Formula Solat Sempurna*: Telaga Biru.

WARNA WARNI PANTUN

Bila hati tidak tenang
 Bacalah Al-Quran sebagai pengubat
 Untuk warga JSKM yang disayang
 Berbaktilah pada ibu bapa sebelum terlambat



Walaupun musnah harta dan benda
 Harga diri mestilah dijaga
 Memori 2016 sentiasa di dada
 Tahun 2017 hendaklah siap siaga

Ukir-ukir si kayu jati
 Jadikan ia sebuaah peti
 Berfikiran positif dan tetapkan hati
 Agar bekerja ikhlas di hati
 Hari Jumaat memetik kelapa
 Airnya boleh hilangkan dahaga
 Hormati ibu dan juga bapa
 Agar kelak masuk syurga



~ASTIFAR 2016~



Perancangan Aktiviti JSKM 2017

1. Khidmat Masyarakat di Madrasah Al-Aminiah, Permatang Nibong, Pulau Pinang
2. Khidmat Masyarakat JSKM Bersama Rumah Kanak-kanak Taman Bakti
3. Bengkel Cantas Gagal MAT235
4. Hari Keluarga JSKM 2017
5. Kolokium Jabatan 2017
6. Khidmat Masyarakat: Jalan-Jalan Masuk Kampung, (JJMK)
7. Karnival Sains
8. Bengkel Pemurnian Dokumen TF dan CF
9. Sukan Badminton JSKM
10. JSKM bersenam di Gymnasium UiTMPP
11. Team Building
12. Projek Ihya' Ramadan
13. Bengkel "Calculus in Everyday Life"
14. Bengkel SPSS
15. Bengkel r-Language
16. Workshop on Structural Modeling (AMOS)
17. Training as Reviewer
18. Treasure Hunt
19. Special Lunch (ICSTIE'16, ICEdSS'16)

Dari Ketua Pengarang:

Alhamdulillah dengan izin Allah Unit Penerbitan & Publisiti JSKM dapat menyiarkan e-Buletin keluaran 1, Edisi 2016. Terima Kasih kepada semua staf JSKM yang telah berkerjasama menyumbang artikel/laporan/karya. InsyaAllah sehingga bertemu dalam e-Buletin Keluaran 2, Edisi 2017.

-Siti Asmah-

Ruangan Sumbangan Pembaca Dan Cetusan Pendapat:

Sumbangan Artikel dan cetusan pendapat dari semua staf UiTM dan siswa / siswi adalah amat diharapkan untuk dikongsi bersama pembaca. Sekiranya anda ingin menyumbang sebarang artikel sila emailkan pendapat dan pandangan anda kepada:

EMAIL:

sitiasmah109@ppinang.uitm.edu.my

naemah@ppinang.uitm.edu.my

Keluaran 1, Edisi 2016



Disediakan Oleh:
Unit Penerbitan dan Publisiti
Jabatan Sains Komputer dan Matematik,
Universiti Teknologi Mara, UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.